

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2017
TAHUN 5

PENDIDIKAN SENI VISUAL
TEORI DAN AMALI
1 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A (TEORI) dan Bahagian B (AMALI)
2. Bahagian A mengandungi 20 soalan.
3. Bahagian B dikehendaki untuk memilih **satu** soalan sahaja.
4. Jawab semua soalan.

NAMA :
KELAS :

BAHAGIAN A

SOALAN TEORI (30 MINIT)


1. Manakah bukan warna asas?
 - A. Merah
 - B. Biru
 - C. Hijau
 - D. Kuning

2. Rupa bulat sesuai untuk melukis ...
 - A. Atap rumah
 - B. Tayar kereta
 - C. Khemah
 - D. Bangunan

3. Campuran warna merah dan kuning akan menghasilkan warna ..
 - A. Jingga
 - B. Merah jambu
 - C. Ungu
 - D. Biru laut

4. Campuran warna biru dan akan menghasilkan warna hijau.
 - A. Merah
 - B. Kuning
 - C. Ingga
 - D. Ungu


5. Manakah bukan RUPA?



6. Manakah BUKAN bahan untuk menghasilkan topeng muka?
 - A. Kad manila
 - B. Kertas surat khabar
 - C. Gam
 - D. Pasir

7. Manakah bahan utama untuk menhasilkan kolaj?
 - A. Gam
 - B. Dawai
 - C. Tanah liat
 - D. Plastesin

8. Bentuk segi empat tepat dibawah sesuai untuk melukis



- A. Khemah
- B. Kotak kasut
- C. Bendera
- D. Motorsikal

9. Manakah dikatakan bukan corak terancang?

- A. Pualaman
- B. Capan
- C. Kolaj
- D. Lipatan dan guntingan

10. Apakah fungsi corak berceloreng pada pakaian seragam tentera?

- A. Untuk menarik perhatian
- B. Untuk penyamaran
- C. Untuk kecantikan
- D. Untuk menaikkan semangat

11. Aktiviti menghasilkan corak secara CAPAN sesuai menggunakan warna jenis ..

- A. Cat poster
- B. Oil pastel
- C. Krayon
- D. Pensel warna


12. Manakah bukan alat atau bahan untuk menghasilkan catan?

- A. Berus mewarna
- B. Bekas bancuh warna
- C. Cat air
- D. Plastesin

13. Proses menhasilkan sesuatu bentuk menggunakan acuan dan kemudiannya ditmpal dengan cebisan-cebisan kertsdikenali sebagai ..

- A. Paper mache
- B. Origami
- C. Lipatan
- D. Lorekan

14. Hasil seni dibawah dikenali sebagai ...



- A. Arca
- B. Kolaj
- C. Beg kertas
- D. Anyaman

15. Berikut ialah alat dan bahan untuk menghasilkan BATIK kecuali

- A. Sodium silikad
- B. Lilin
- C. Gam
- D. Canting

16. Bahan yang boleh berfungsi seperti gam ialah ..

- A. Kanji
- B. Kapur
- C. Gula
- D. Minyak masak

17. Manakah kraf tradisional orang melayu?

- A. Catan
- B. Batik
- C. Pewter
- D. Arca

18. Negeri Terengganu sangat terkenal dengan kraf tradisional ini.

- A. Batik
- B. Gasing
- C. Labu sayong
- D. Keris

19. Manakah yang tidak berkaitan dengan proses menghasilkan corak?

- A. Renjisan
- B. Pualaman
- C. Stabail

- D. Lipatan dan guntingan
20. Mengasilkan corak menggunakan keratan pelepas pisang atau bawang yang kemudiannya disapu warna dan dicapkan pada kertas lukisan dikenali sebagai ..
- A. Kolaj
 - B. Resis
 - C. Capan
 - D. Lukisan.

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2017
PENDIDIKAN SENI VISUAL
TAHUN 5 (BAHAGIAN B : AMALI)
1 JAM**

Arahan : Pilih **SATU** soalan sahaja. Murid diminta membawa **ALATAN** dan **BAHAN** yang diperlukan. Kertas lukisan akan disediakan oleh pihak sekolah.

BIDANG 1 : MENGGAMBAR

Tajuk : **Bunga**

Anda diminta menghasilkan lukisan bunga dengan menggunakan teknik **LUKISAN**.

Alatan dan bahan : pensel, pen magic, oil pastel atau pensel warna.

BIDANG 2 : MEMBUAT CORAK DAN REKAAN

Tajuk : **Corak pada beg hadiah**

Anda diminta menghasilkan corak pada beg hadiah menggunakan teknik **STENSILAN** di atas kertas lukisan.

Alatan dan bahan : kertas lukisan, kertas A4 sebagai alat stensil, oil pastel/soft pastel, gunting.

BIDANG 3 : MEMBENTUK DAN MEMBUAT REKAAN

Tajuk : **Magnet Hiasan (Fridge Magnet)**

Anda diminta menghasilkan sebuah arca timbul Magnet Hiasan (Fridge Magnet) menggunakan teknik acuan. Anda boleh membawa acuan yang telah siap supaya proses penghasilan arca timbul berjalan lancar.

Alatan dan bahan : acuan yang telah siap, plaster of paris (p.o.p) / tanah liat, cat poster, berus, palet, dan peralatan mengecat yang sesuai.

BIDANG 4 : MENGENAL KRAF TRADISIONAL

Tajuk : **Anyaman Mata Bilis**

Anda diminta untuk menghasilkan satu anyaman mata bilis dengan menggunakan teknik **tenunan**.

Alatan dan bahan : kertas lukisan, kertas warna pelbagai warna, gunting.